

IS2240

GB 18-02 00222 BH430

ib

Mahathir - Ekonomi

(EMBARGO: untuk siaran selepas 10 malam ini, 18 Feb)

I

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia tahun ini dan beberapa tahun akan datang tidak akan berada dalam keadaan begitu baik seperti tahun lepas, tapi rakyat Malaysia boleh mengatasinya dengan bekerja kuat dan meningkatkan produktiviti.

Ketika bercakap dalam rancangan +Wawancara Khas dengan Perdana Menteri+ yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, beliau berkata, walaupun prospek ekonomi negara akan terus berada dalam keadaan baik, sejumlah besar rakan dagangannya mengalami kemelesetan dan keadaan ini akan memberi kesan ke atas Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan.

Beliau berkata, seperti Malaysia, rakan-rakan dagangannya kadangkala mendapati sukar untuk mengawal prestasi ekonomi mereka.

+Tetapi di negara ini, kitalah yang mengatur diri kita. Jadi, jika kita mengatur hidup dengan betul, jika kita terus produktif, cekap, sedia kerja kuat, jika kita sedia menerima program yang dirangka untuk letakkan ekonomi di atas landasan yang betul, saya sangat yakin kita leh mengatasi masalah itu,+ katanya.

Anggota-anggota panel dalam rancangan itu ialah Ketua Pengarah Institutajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Dr Noordin Sopiee, Ketua Eksekutif Bank Buruh Tan Sri Ramon Navaratnam dan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Datuk Dr Kamal Salih. -- Lagi

3/02/16-31MST

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kedudukan Malaysia lebih baik dibanding dengan kebanyakan negara di rantau ini dalam menghadapi kesan-kesan ekonomi akibat perang Teluk, tetapi kini ia menjadi keperluan untuk memahami sebanyak mana negara boleh mengguna, mengimport dan cekap mengeluarkan barangannya.

Malaysia juga bernasib baik kerana sebagai sebuah negara pengimport minyak, ia boleh menyerap kesan-kesan ke atas sebarang kenaikan atau penurunan dalam harga minyak.

Beliau berkata, semasa harga minyak melambung kepada AS\$40 setong, Malaysia tidak menaikkan harga runcit keluaran petroleum kerana jika ia menaikkan harga runcit itu, harga barangan lain dan pengangkutan juga akan naik.

Dan apabila harga minyak turun, harga barang-barangan itu juga tidak akan turut dinaikkan. Ia akan hanya naik apabila ia (harga minyak) naik, tapi tidak akan turun apabila ia turun+.

Oleh kerana kita tidak menaikkan harga minyak, walaupun harga minyak ia naik tetapi kita berjaya mengekalkan kadar inflasi yang termampu,+ katanya. -- Lagi

7/02/16-32MST

CNS2285

R GB 18-02 00171 BH435

aah

Mahathir - Ekonomi 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir bersetuju dengan pendapat bahawa kerajaan kelihatan memberi layanan istimewa kepada pelabur asing berbanding dengan pelabur tempatan tetapi berkata bahawa ini perlu bagi Malaysia untuk menarik kepakaran dan pengetahuan dalam pemasaran.

Beliau berpendapat bahawa rakyat Malaysia hanya menumpukan perhatian kepada bidang-bidang tertentu seperti perumahan dan hartanah, penanaman kelapa sawit, kewangan dan beberapa bidang lain.

+Mereka tidak berminat menceburkan diri dalam bidang pengilangan kerana ia merupakan projek jangka panjang. Ia memerlukan masa untuk menampakkan hasil dan kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan daripada segi teknologi atau pasaran. Oleh kerana itu, kita masih bergantung kepada penyertaan asing dalam ekonomi kita,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekiranya rakyat Malaysia sanggup belajar dan mengambil risiko, kerajaan boleh memberi pertimbangan kepada sektor tempatan dan memberi apa saja keistimewaan yang mereka mahukan.

+Jika tidak, kita tidak boleh menarik pelaburan asing kerana mereka mempunyai pilihan dan mereka boleh melabur di negara lain,+ katanya. -- Lagi

♥18/02/16-59MST

CNS2287

R GB 18-02 00170 BH436

aah

Mahathir - Ekonomi 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Ketika ditanya sama ada beliau berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan menggalakkan pelaburan jangka pendek berbanding pelaburan jangka panjang oleh pelabur tempatan, Perdana Menteri berkata, pengagihan saham kepada golongan Bumiputera adalah perlu untuk menjamin kestabilan politik.

Beliau berkata selain daripada kepakaran untuk memperolehi wang, negara juga memerlukan satu suasana yang baik untuk memperolehi wang.

+Sekiranya suasana politik kita tidak stabil, tidak ada gunanya kepakaran atau wang untuk dilaburkan. Kita telah melihat sesetengah negara yang tidak stabil daripada segi politik, di mana rakyatnya mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang perniagaan, tetapi mereka masih tidak berjaya,+ katanya.

Unsur pengagihan kekayaan itu, katanya, melambangkan pengorbanan oleh pelabur tempatan tetapi kerajaan sanggup mengetepikan syarat itu sekiranya kaum Bumiputera mendapatinya sukar untuk memperolehi saham mereka kerana mereka tidak mempunyai kewangan atau kecenderungan untuk berbuat demikian, katanya.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa mereka lebih bertanggungjawab berbanding orang asing, untuk mengekalkan kestabilan politik di negara ini -- Bernama

CNS2289